

## CONTOH SOALAN 1

1. Tujuan utama penilaian ialah untuk
  - A. mengubah tingkah-laku pelajar.
  - B. membanding pencapaian pelajar.
  - C. mengumpul maklumat untuk membuat keputusan
  - D. menggambarkan tingkah-laku pelajar dengan nombor.
  
2. Yang manakah di antara yang berikut BUKAN satu alat ukuran?
  - A. Neraca
  - B. Ujian sains
  - C. Jangka suhu
  - D. Kanta pembesar
  
3. Penyelidikan memerlukan kita mengumpul maklumat. Yang manakah di antara berikut boleh di gunakan untuk mengumpul maklumat?
  - I. Skala kadar
  - II. Soal selidik
  - III. Surat khabar
  - IV. Senarai semak
  - A. I sahaja
  - B. I dan III sahaja
  - C. I, II, dan III sahaja
  - D. I, II, dan IV sahaja
  
4. Yang manakah di antara yang berikut benar tentang satu anekdot?
  - A. Merekodkan semua perlakuan yang berlaku
  - B. Menumpu kepada satu perlakuan tertentu sahaja
  - C. Membuat penilaian atau interpretasi dalam catatan
  - D. Merekodkan apa yang dilihat dan dibuat dengan tepat
  
5. Antara teknik-teknik pengumpulan maklumat yang berikut yang manakah yang paling sesuai digunakan untuk menilai persembahan pelajar dalam berpidato?
  - A. Inkuari
  - B. Analisis
  - C. Pengujian
  - D. Pemerhatian
  
6. Yang manakah di antara skala berikut mempunyai sifar mutlak?
  - A. Berat pelajar
  - B. Markah pelajar
  - C. Kedudukan pelajar
  - D. Angka Giliran pelajar
  
7. Di antara langkah terpenting dalam pembinaan Jadual Spesifikasi Ujian (JSU/JPU) ialah mengkaji sukatan pelajaran. Aspek-aspek sukatan pelajaran yang dikaji termasuklah
  - I skop sesuatu tajuk.
  - II kedalaman sesuatu tajuk.

- III kepentingan bandingan satu tajuk dengan tajuk yang lain.
- IV masa yang telah dijadualkan bagi sesuatu mata pelajaran seminggu.
- A. I sahaja  
 B. I dan III sahaja  
 C. I, II, dan III sahaja  
 D. I, II, dan IV sahaja
8. Jadual Spesifikasi Ujian (JSU/JPU) membantu penggubal soalan dalam perkara-peraka berikut.
- I Mensampel sukatan pelajaran dengan baik  
 II Memberi pemberatan kepada tajuk-tajuk dengan baik  
 III Membina ujian yang terjamin kebolehpercayaannya  
 IV Menjamin kesahan ujian dari segi isi kandungan
- A. I sahaja  
 B. I dan III sahaja  
 C. I, II, dan III sahaja  
 D. I, II, dan IV sahaja
9. Yang manakah di antara berikut diambil kira dalam pembinaan Jadual Spesifikasi Ujian (JSU/JPU)?
- I Isi kandungan sukatan pelajaran  
 II Kesukaran item  
 III Kemahiran objektif pembelajaran  
 IV Skema jawapan
- A. I dan III sahaja  
 B. I dan IV sahaja  
 C. I, II, dan III sahaja  
 D. II, III, dan IV sahaja
10. Satu ujian bantuan komputer boleh diduduki pelajar bila-bila masa sahaja dalam tempoh pengajian mereka. Di antara kaedah-kaedah penentuan kebolehpercayaan berikut, yang manakah harus dipentingkan bagi ujian sebegini?
- I Uji dan uji sekali lagi  
 II Ujian belah dua  
 III Ujian bentuk setara  
 IV Kuder Richardson Formula 21  
 V Cronbach alpha
- A. I dan III sahaja  
 B. II dan IV sahaja  
 C. I, III, dan IV sahaja  
 D. II, IV, dan V sahaja
11. Seorang pelajar mendakwa bahawa kertas 1 Matematik SPM baharu-baharu ini mempunyai soalan yang di luar sukatan pelajaran. Kesahan jenis apakah yang dipertikaikan di sini?
- A. Kesahan konstruk  
 B. Kesahan isi kandungan  
 C. Kesahan ramalan  
 D. Kesahan serentak/semasa

item no. 15 dalam satu ujian. Berapakah indeks kesukaran item tersebut?

- A. 0.20
- B. 0.25
- C. 0.60
- D. 0.80

13. Indeks diskriminasi bagi satu item dalam satu ujian ialah + 0.5. Ini menunjukkan bahawa item tersebut
- A. telah dijawab dengan betul oleh 50% pelajar yang baik
  - B. boleh membezakan pelajar yang baik daripada yang lemah dengan baik
  - C. tidak perlu diperbaiki lagi kerana telah dapat membezakan 50% pelajar yang terbaik
  - D. sukar kerana hanya 50% pelajar yang baik sahaja yang dapat menjawab item tersebut dengan betul
14. Berdasarkan jadual item analisis di bawah,

Pilihan Jawapan	O		A		B*		C		D	
Bilangan Murid	1		5		20		7		7	
Peratus, p %	2%		12%		50%		18%		18%	
Kumpulan Murid	A	B	A	B	A	B	A	B	A	B
Baik / Lemah	0	1	0	5	17	3	2	5	1	6
Indeks Diskriminasi D	-0.05		-0.25		0.70		-0.15		-0.25	

yang manakah di antara pernyataan berikut yang benar tentang item ini?

- I Terdapat seorang pelajar yang lemah yang tidak menjawab item ini dengan betul.
- II Kesukaran item ini adalah sederhana
- III Item ini dapat membezakan pelajar yang baik daripada pelajar yang lemah dengan baik.
- IV Semua distraktor telah berfungsi dengan baik

- A. II dan III sahaja
- B. I, II dan III sahaja
- C. I, III, dan IV sahaja
- D. I, II, III, dan IV

15. Bahagian soalan aneka pilihan yang bertujuan untuk menjana respons daripada pelajar dikenali sebagai
- A. distraktor.
  - B. kunci jawapan.
  - C. tugas soalan.
  - D. rangsangan soalan.

15. Ujian itu dikatakan
- A. sah dan boleh dipercayai
  - B. sah dan tidak boleh dipercayai
  - C. tidak sah tetapi boleh dipercayai
  - D. tidak sah dan tidak boleh dipercayai
17. Mengikut Bloom, kebolehan melakukan "tafsiran" ke atas sesuatu maklumat adalah pada peringkat kemahiran
- A. Pengetahuan
  - B. Kefahaman
  - C. Aplikasi
  - D. Analisis
18. Di antara perlakuan-perlakuan berikut, yang manakah melibatkan kemahiran "sintesis"?
- A. Menceritakan kembali apa yang telah berlaku
  - B. Mengumpul maklumat untuk membuat laporan
  - C. Menyediakan laporan untuk dibawa ke mahkamah, berdasarkan penyelidikan yang telah dijalankan di atas sesuatu kes
  - D. Mencetak dan menjilid laporan untuk dibawa ke mahkamah

19. Berikut adalah satu soalan aneka pilihan.

Kabinet bertanggungjawab secara kolektif kepada Parlimen

Penyataan di atas membawa maksud

- A. kesemua ahli Parlimen secara individu bertanggungjawab kepada parlimen
- B. kesemua ahli kabinet bersama-sama bertanggungjawab atas segala keputusan
- C. kesemua ahli Parlimen bersama-sama bertanggungjawab atas segala keputusan
- D. kesemua ahli Parlimen secara individu bertanggungjawab kepada kementerian masing-masing

Kunci jawapan: B

Soalan ini menguji kemahiran


- A. mengingat semula fakta sahaja.
- B. mentafsir daripada satu idea yang tersirat.
- C. mengekstrapolasi daripada maklumat yang disediakan.
- D. menterjemah daripada suatu bentuk ungkapan ke bentuk yang lain.

20. Dalam penulisan soalan aneka pilihan yang baik perkara yang manakah di antara berikut perlu diikuti?
- A. Bahan-bahan yang digunakan sama ada untuk rangsangan, pokok soalan, hendaklah di ambil terus daripada buku teks.
  - B. Soalan yang digubal hendaklah tidak menyinggung peribadi, kepercayaan agama, emosi, dan perkara yang sensitif.
  - C. Soalan boleh mempunyai dua negatif iaitu satu di dalam pokok soalan dan satu lagi di dalam opsyen.
  - D. Apabila beberapa soalan didasarkan kepada satu rangsangan, maka setiap soalan hendaklah berkait rapat di antara satu soalan dengan yang lain.
21. Penulisan opsyen yang baik dalam soalan aneka pilihan hendaklah mengambil kira perkara berikut.
- A. Kesalahan umum jangan dijadikan distraktor.
  - B. Setiap opsyen hendaklah bertentangan antara satu sama lain.
  - C. Kunci jawapan tidak boleh mempunyai pembayang atau penunjuk
  - D. Setiap opsyen hendaklah tidak homogen supaya ketara perbezaan antara opsyen.
22. Jenis-jenis soalan esei termasuk soalan jenis
- A. padanan
  - B. respons terhadap
  - C. jawapan terbaik
  - D. aneka gabungan
23. Soalan esei yang memerlukan pelajar menyatakan, menghuraikan, mengolah, dan merumus seta menyusun idea-idea secara bebas di kenali sebagai
- A. soalan berstruktur.
  - B. soalan jawapan terus.
  - C. soalan respons terhadap.
  - D. soalan respons tidak terhadap.
24. Berikut adalah satu soalan esei dalam mata pelajaran Biologi.
- Dengan memberikan satu contoh yang dinamakan, huraikan perbezaan pengikatan karbon dioksida yang berlaku pada tumbuhan  $C_3$  dengan tumbuhan  $C_4$ .
- Soalan ini menguji aras kemahiran
- I. Pengetahuan.
  - II. Kefahaman.
  - III. Aplikasi.
  - IV. Analisis.
- A. I sahaja
  - B. I dan II sahaja
  - C. I, II, dan III sahaja
  - D. I, II, III, dan IV

25. Dalam penulisan soalan esei yang baik perkara-perkara berikut haruslah diikuti KEQUALI

- A. Jika soalan terdiri daripada beberapa pecahan soalan, pastikan aras kesukaran pecahan soalan tidak dipelbagaikan.
- B. tidak menguji fakta yang ketinggalan zaman, remeh-temeh, atau yang terpencil.
- C. mengguna bahasa yang mudah, terus, dan bebas daripada sebarang kekeliruan.
- D. Konsep yang dipersoalkan hendaklah sesuai dengan peringkat pembelajaran pelajar.


26.



Berdasarkan graf di atas, berapakah bilangan pelajar yang mendapat skor yang tertinggi?

- A. 1
- B. 5
- C. 75
- D. 90

27.



Berdasarkan graf di atas, berapakah bilangan pelajar yang mendapat skor 85 dan kurang?

- A. 0
- B. 15
- C. 18
- D. 20

28

Skor ( $x$ ) sempadan kelas	Kekerapan ( $f$ )	Kekerapan longgokan ( $cf$ )
59.5 – 64.5	3	3
64.5 – 69.5	10	13
69.5 – 74.5	20	33
74.5 – 79.5	15	48
79.5 – 79.5	2	50
	$N = \Sigma f = 50$	

Berdasarkan jadual taburan kekerapan longgokan di atas, berapakah nilai sempadan bawah kelas median?

- A. 69.0
- B. 69.5
- C. 70.0
- D. 74.5

29.

40, 45, 48, 50, 52, 55, 99

Berdasarkan kumpulan skor di atas, ukuran kecenderungan memusat yang manakah yang paling sesuai digunakan?

- A. Min
  - B. Median
  - C. Mod
  - D. Julat
30. Dalam satu ujian, skor Ahmad didapati terletak pada pangkat persentil ke-66. Apakah tafsiran yang boleh dibuat tentang skor beliau?
- A. Beliau menjawab dengan betul 66% daripada soalan-soalan dalam ujian tersebut.
  - B. Markah beliau adalah lebih baik daripada 66% pelajar-pelajar di dalam kumpulannya.
  - C. Kedudukan dalam kelas beliau adalah lebih rendah daripada 66% pelajar-pelajar lain.
  - D. Pencapaian beliau adalah sama dengan 66% daripada pelajar-pelajar di dalam kumpulannya.
31. Seorang guru mentafsirkan kedudukan pencapaian muridnya dalam ujian kelasnya dengan membandingkan skor pelajar dengan pelajar-pelajar yang lain di dalam kelas tersebut. Beliau menggunakan prinsip
- A. diagnostik
  - B. penempatan
  - C. rujukan norma
  - D. rujukan kriteria

32. Konsep "pemeriksa yang berbeza memberi skor yang sama dalam pemarkahan calon yang sama" menepati konsep ujian
- tara
  - piawai
  - objektif
  - subjektif
33. Berbanding dengan ujian objektif aneka pilihan, ujian subjektif berbentuk esei dikatakan mempunyai kesahan kandungan yang rendah kerana
- ujian objektif boleh diskor dengan mesin
  - ujian esei lebih sukar diskor secara objektif
  - sampelan tajuk yang dirangkumi dalam ujian esei adalah kecil
  - ujian objektif lebih sukar digubal berbanding dengan ujian esei
34. Ujian rujukan kriteria adalah lebih sesuai digunakan dalam penilaian pelajar di bilik darjah kerana
- ia lebih mudah dibina
  - ia mempunyai kesahan yang tinggi
  - ia dapat menunjukkan secara spesifik kebolehan pelajar berbanding dengan kriteria
  - ia dapat meletak pelajar dalam susunan rangking daripada yang lemah kepada yang paling cerdas
35. Tujuan utama menggedkan pelajar mengguna abjad ialah untuk
- membanding pelajar antara rakannya di dalam kelas
  - mengagihkan pelajar mengikut aras kebolehan mereka
  - memberi pengiktirafan tentang kejayaan mereka semasa di sekolah
  - memberi maklum balas yang mudah difahami tentang pencapaian pelajar kepada ibu bapa atau penjaga mereka
36. Kaedah pemarkahan holistik mementingkan
- perincian setiap unit jawapan
  - pemberatan setiap unit jawapan
  - keobjektifan dalam pemberian markah
  - keseluruhan daripada bahagian-bahagian
37. Di antara kelebihan pemarkahan holistik ialah
- Pemarkahan tidak mengambil masa yang panjang.
  - Pemarkahan dapat dibuat secara keseluruhan dan dapat menilai kemahiran aras tinggi
  - Pemeriksaan hanya sesuai dijalankan oleh orang yang menguasai bidang berkenaan dan yang berpengalaman sahaja
  - Pemarkahan boleh dibuat dengan terperinci dan tepat untuk memperoleh ketekalan skor
- I sahaja
  - I dan II sahaja
  - I, III dan IV sahaja
  - II, III dan IV sahaja



38. Seni Lukisan adalah lebih sesuai diperiksa dan diberi markah secara holistik kerana
- A. kesahannya akan lebih terjamin
  - B. kebolehpercayaannya akan lebih terjamin
  - C. unsur kreativiti dalam seni lukisan akan dapat dinilai
  - D. dipentingkan lebih kepada unsur kesepaduan pada aspek yang dinilai
39. Yang manakah di antara pernyataan berikut **benar** tentang penaksiran portfolio?
- A. Cara terbaik untuk mengganti ujian kertas- pensel
  - B. Cara yang terbaik untuk mengesah skor ujian yang dipertah melalui penaksiran alternatif
  - C. Cara yang terbaik untuk merakamkan proses dan hasil pembelajaran autentik
  - D. Cara terbaik untuk mengkomunikasikan tentang apa yang pelajar telah pelajari
40. Untuk penilaian portfolio secara keseluruhan adalah paling baik dijalankan secara
- A. penilaian sendiri
  - B. penilaian analitik
  - C. penilaian holistik
  - D. penilaian rakan sebaya